



---

## ISDC2014 CONFERENCE PROCEEDINGS

---

ISBN: 978-967-0474-74-8

### TREN PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN MAHASISWA/I (2008- 2013)

Nor Azlah Mohd. Jaafar\*, Narinjit Singh, Mohd Mahzan Awang, Faridah Mydin &  
Abdul Razaq Ahmad

\*norazlahmdjaafar@gmail.com  
Universiti Kebangsaan Malaysia

#### Abstract

Dalam usaha mencapai status negara maju, kerajaan Malaysia telah merancang dan melaksanakan pembangunan modal insan kelas pertama dalam beberapa siri Rancangan Malaysia. Salah satu mekanisme utama untuk membangunkan sumber manusia adalah memperkasakan pendidikan tinggi. Rakyat digesa dan digalakkan untuk menyambung pendidikan bagi merealisasikan impian tersebut. Namun, hasrat tersebut telah dicemari oleh beberapa kes tidak bermoral yang melibatkan mahasiswa. Paling membimbangkan adalah penglibatan mahasiswa dalam penyalahgunaan dadah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat trend penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa bermula dari tahun 2004 hingga 2013. Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada agensi kerajaan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Data dianalisis menggunakan kaedah siri masa dan silang data. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 362 kes penagihan dadah dalam kalangan mahasiswa pada tahun 2010. Ia merupakan jumlah kes penagihan yang paling tinggi dalam tempoh satu dekad. Dapatan kajian juga mendapati bahawa majoriti penyalahgunaan dadah bermula ketika mahasiswa berumur antara 19 hingga 24 tahun. Analisis lanjut terhadap data sekunder tersebut mendapati bahawa pengaruh kawan adalah sebab utama penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa. Masalah gejala sosial ini mencemarkan/martabat bangsa malah mempengaruhi faktor pulangan kepada pembangunan negara. Usaha melahirkan bakal pemimpin negara yang mempunyai modal insan akan tergugat jika mahasiswa terus hanyut dengan masalah akhlak. Implikasi ke atas proses pemerksaan modal insan turut dibincangkan dalam artikel ini.

**Keywords:** *penyalahgunaan dadah, mahasiswa, modal insan, gejala sosial*

#### PENGENALAN

Penyalahgunaan dadah adalah masalah sosial yang paling rumit yang sedang dihadapi oleh negara. Penglibatan masyarakat dengan dadah tidak mengenal usia dan ia melibatkan semua golongan sama ada miskin, kaya, profesional, buruh kakitangan awam mahupun pelajar-pelajar disekolah atau di institusi pengajian tinggi. Masalah ini telah mula diperkatakan sejak tahun 70-an lagi. Tidak dapat dinafikan dadah merupakan satu ancaman baik kepada masyarakat, individu, keluarga dan negara.

Permasalahan dadah menjadi ketara sejak tahun 1880-an. Peningkatan jumlah anak muda terutamanya pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi yang rosak akibat dadah memang menakutkan sehingga kerajaan mengisytiharkan dadah sebagai ancaman kepada keselamatan negara. Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan, (2003) statistik pada tahun 1998-2003 terdapat seramai 255,725 penagih dadah dimana merangkumi 1.02% jumlah penduduk Malaysia. Manakala purata pertambahan penagih baru pada

tahun 1999-2003 seramai 17,174 setahun. Jika berterusan dengan kadar sama jumlah penagih dijangka adalah 461,000 pada tahun 2015 (sedangkan pada tahun inilah diistiharkan tahun Malaysia bebas dadah). Jika dianalisis profil penagih pula, pada tahun 1999-2003 seramai 72%-76% penagih adalah di kalangan belia.

Masalah dadah yang berterusan sudah tentu boleh memudaratkan negara dalam jangka masa panjang terutamanya golongan belia. Pepatah Melayu ada mengatakan, Pemuda Harapan Bangsa, Pemuda Tiang Negara. Justeru, seandainya pemuda dan pemudi negara hanyut dalam masalah berkaitan dadah, harapan untuk melahirkan pemimpin negara yang baik akan terjejas.

## **PENYALAHGUNAAN DADAH DI MALAYSIA**

Dadah bukanlah perkara baru dalam kehidupan seharian manusia kerana penggunaannya telah dikesan sejak beradab-abad yang lalu meskipun tarikh sebenar tidak dapat diketahui. Mengikut sumber sejarah, dadah dikaitkan dengan alam fantasi oleh masyarakat zaman dahulu kala yang menganggapnya sebagai pembalut kederitaan dan sumber keseronokan mahupun sumber menambahkan tenaga apabila melakukan kerja-kerja harian.

Penagihan candu di kalangan buruh Cina menyebabkan kemasukan bahan berbahaya itu menjadi tidak terkawal di Tanah Melayu sehingga memaksa kerajaan Inggeris mengawal kemasukan dan penjualan candu pada tahun 1910. Serentak itu, kedai-kedai menjual candu dan rumah menghisap candu yang dikenali sebagai Opium Dens telah dilesen dan didaftarkan. Selepas perang dunia kedua, kerajaan Inggeris terpaksa mengharamkan sama sekali penjualan dan pengedaran candu kerana ia mula menjadi masalah serius di kalangan penduduk Tanah Melayu. Akibatnya, mulalah berlaku aktiviti penyeludupan candu sehingga memaksa Akta Dadah Berbahaya diwujudkan pada tahun 1952. Mengikut akta ini, sesiapa yang memiliki dan menghisap candu adalah menjadi satu kesalahan dan Hakim Mahkamah Candu berkuasa menjatuhkan hukuman.

Sehingga hari ini, dadah telah menjadi satu ancaman besar kepada negara. Penyalahgunaan dadah semakin menular di negara kita hari demi hari yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Menurut Ibrahim (1997), penagihan dadah bukan saja golongan berpendapatan rendah, bahkan telah merebak kepada golongan yang lebih mewah dan merentasi umur dan jantina. Ini menunjukkan bahawa setiap individu berpotensi terlibat dengan penyalahgunaan dadah tanpa mengira kedudukan umur ataupun jantina. Mengikut laporan Kedudukan Masalah Dadah dan Kemajuan Tindakan Anti Dadah (1985), perbuatan penyalahgunaan dadah dikalangan pelajar-pelajar sekolah diketahui bermula di awal tahun 1970an. Manakala menurut Program Pengawasan Dadah Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDCP), menyenaraikan Malaysia terletak ditempat kelima dirantau Asia Tenggara mempunyai penagih dadah paling ramai.

## **PENYALAHGUNAAN DADAH, ISU DAN PERMASALAHAN DI MALAYSIA**

### **Penyalahgunaan Dadah**

Dadah secara umumnya adalah sejenis bahan yang digunakan untuk tujuan perubatan. Namun, apabila adanya kemudahan teknologi moden dan permasalahan sosial yang tinggi di kalangan masyarakat dunia umumnya dan Malaysia khususnya maka dadah telah disalahguna untuk tujuan kononnya sebagai penghibur, penyelesaian masalah, meningkatkan ketahanan sama ada fizikal atau mental, keberanian dan sebagainya lagi. Apa yang jelas, penyalahgunaan dadah tersebut sebenarnya telah merosakkan sistem badan dan juga menjejaskan maruah diri, keluarga dan negara.

Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan (1998), dadah merupakan bahan psikoaktif yang mempunyai ciri-ciri berikut; membawa kesan buruk kepada sistem saraf pusat, digunakan untuk tujuan perubatan, diperolehi secara haram, membawa pergantungan fizikal serta psikologi dan memberi kesan buruk kepada kesihatan dan fungsi sosial. Penagih dadah menggunakan dadah kerana pelbagai sebab. Namun demikian mereka tidak dapat meninggalkannya kerana satu sebab utama iaitu untuk mengelakkan daripada sindrom putus dadah (withdrawal syndrome). Melalui pengambilan dadah jenis heroin, sindrom putus dadah akan dialami dalam jangkamasa 4-6 jam sahaja selepas pengambilan dos terakhir. Penagih akan mengalami gejala seperti cirit-birit, sakit perut, rasa sejuk berpeluh, perasaan gelisah dan takut. Semua gejala ini dapat dihapuskan dengan pengambilan semula heroin pada dos yang semakin meningkat.

Dadah terbahagi kepada beberapa jenis, diantaranya dari sumber tumbuh-tumbuhan seperti kanabis, ganja, heroin dan morfin. Selain itu terdapat juga dadah sintetik iaitu ATS (*Amphetamine Type Stimulants*) di mana semakin hari semakin popular digunakan. Dadah ini kebanyakannya dalam bentuk pil dan dikenali dengan Pil *Ecstasy* dan juga Pil Kuda. Dadah jenis ini lebih memudaratkan kerana boleh menyebabkan penagih menjadi

semakin ganas dan mengalami kerosakan otak yang teruk. Kebanyakan dadah ini datangnya dari Eropah dan menjadikan Malaysia sebagai transit untuk pengedaran ke negara-negara seperti Amerika Selatan, Australia, Thailand dan juga Hong-Kong. (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 1999).

## **Punca-punca Penyalahgunaan dan Pengambilan Dadah dalam Mahasiswa**

Menurut kajian Agensi Anti Dadah Kebangsaan (1998), terdapat beberapa sebab mengapa remaja penagih mengambil dadah. Di antaranya ialah pengaruh rakan sebaya. Secara ringkasnya, seseorang itu kebiasaannya cenderung untuk terpengaruh dengan sikap, tingkahlaku, dan perangai rakan yang sentiasa didampinginya. Jika kawannya baik, baiklah dia dan jika kawannya nakal, akan nakallah dia. (Hairunnaja, 2003).

Selain itu, perasaan ingin tahu dan secara tidak sengaja mencetuskan punca remaja terlibat dengan ketagihan dadah. Menurut Noraini Ahmad (1996), perasaan ingin tahu kebanyakannya berlaku dikalangan remaja kerana para remaja terdedah kepada krisis identiti sepanjang proses perkembangan remaja sebelum mencapai peringkat dewasa. Di samping itu, situasi sebegini juga boleh mendorong pelajar mengalami tekanan jiwa yang kronik seandainya mereka gagal menyesuaikan diri di alam remaja. Natiujahnya, ia boleh menyumbang kepada sebab-sebab seseorang individu atau remaja terlibat dengan dadah.

Masalah keluarga juga menjadi penyumbang kepada keterlibatan individu dengan dadah. Menurut Hairunnaja (2003), diantara isu-isu keluarga yang boleh menyumbang kepada permasalahan remaja ialah status sosioekonomi keluarga yang rendah, ibubapa yang terlalu sibuk dengan kerja masing-masing, rumah tangga yang tidak kukuh, sikap ibubapa yang terlalu memanjakkan anak-anak, ibubapa yang bersikap pilih kasih terhadap anak-anak. Hal ini menunjukkan bahawa ibubapa harus sentiasa mengawasi anak-anak mereka supaya tidak terlibat dengan masalah-masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah kerana masalah seperti ini akan merosakkan masa depan kanak-kanak atau remaja tersebut.

## **Teori Pembangunan Modal Insan dan Penyalahgunaan Dadah**

Generasi belia memainkan peranan yang penting sebagai aset pembangunan modal insan negara. Oleh itu, dalam suasana semasa, jika sesebuah masyarakat berhasrat untuk maju dan terus membangun, golongan belia perlu dibina dan didik menghayati nilai cemerlang masyarakat yang bertamadun. Sesungguhnya, tanggungjawab besar belia pada hari ini adalah untuk menjana pembangunan bangsa, negara dan agama.

Pada masa kini, golongan belia menghadapi cabaran yang amat hebat. Penyalahgunaan dadah yang semakin meningkat dalam kalangan belia merupakan salah satu masalah yang sangat digeruni. Hal ini kerana akibat daripada penyalahgunaan dadah akan timbul juga masalah-masalah lain seperti amalan seks bebas, ketagihan merokok, berjudi, meminum arak dan lain-lain lagi. Oleh itu, amalan pencegahan dan pemulihan dadah adalah sangat penting bagi belia.

Pendidikan tentang pencegahan dan penyebaran maklumat mengenai dadah juga dapat mengurangkan belia kita untuk terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Usaha yang bersepadu ini perlu diambil untuk menangani penagihan dan pengedaran dadah yang telah merebak masuk ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sehubungan itu, program kesederan termasuk kempen seperti Belia Benci Dadah perlu dipergiatkan lagi. Antara program lain bagi membendung penyalahgunaan dadah ialah program Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya (SHIELDS) dan program Tomorrow's Leader. Pelaksanaan Program Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya adalah untuk meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri murid di peringkat sekolah menengah kerana murid dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun dikenalpasti berisiko dalam penyalahgunaan dadah. Sementara matlamat program Tomorrow's Leaders adalah untuk memastikan murid dan warga institusi pengajian tinggi mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran mengenai gaya hidup sihat tanpa dadah agar mewujudkan Mahasiswa Bebas Dadah 2015.

Itulah antara beberapa peranan yang dapat dimainkan oleh institusi yang berkaitan dan beberapa program yang dirancang agar apa yang disusunatur dapat memberi manfaat yang berguna kepada generasi akan datang.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Mengkaji tren penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa sepanjang tahun 2008 hingga 2013.
- b. Mengkaji tren penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa dari aspek tahap akademik.
- c. Menjelaskan kaitan antara tren penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa dengan pembangunan modal insan.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dengan reka bentuk keratan-lintang (cross-sectional survey) berdasarkan data sekunder. Data diperolehi daripada Laporan Agensi Antidadah Kebangsaan 2013. Analisis siri masa dikaji daripada tahun 2008 hingga 2013 dengan perbandingan tahap akademik mahasiswa.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati setiap tahun terdapat mahasiswa yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah sepanjang 2008 hingga 2013 (Jadual 1).

Jadual 1 - Kes Penagihan Dadah Mahasiswa/i Mengikut Tahap Akademik Tahun 2008-2013

Tahap Akademik	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Diploma	125	60	312	136	88	93
Ijazah	14	19	50	19	21	16

Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa pada tahun 2010 mencatatkan bilangan penagih yang tertinggi iaitu 362 orang mahasiswa. Manakala pada tahun 2009 mencatatkan bilangan penagih yang terendah iaitu 79 orang mahasiswa. Ini adalah bilangan terendah dalam tempoh 6 tahun, diantara 2008 hingga 2013.

Dapatan analisis daripada jadual silang bagi siri tahun dan tahap pendidikan juga ditunjukkan dalam Jadual 1. Didapati bahawa kebanyakan bilangan penagih dadah berada pada tahap pendidikan diploma iaitu seramai 814 orang mahasiswa berbanding seramai 139 orang mahasiswa berada pada tahap pendidikan ijazah sepanjang tempoh 2008 hingga 2013. Dapatan ini juga menunjukkan satu keadaan yang sungguh membimbangkan dimana bilangan penagih dadah di kalangan mahasiswa pada tahun 2012 dan 2013 masih tinggi dan tidak berubah.

Berdasarkan dapatan ini boleh dirumuskan bahawa jumlah kes penagihan dadah yang melibatkan mahasiswa masih berterusan setiap tahun. Adalah tidak mustahil perkara ini akan berterusan pada masa akan datang. Adakah kita mahu melihat angka bilangan penagih dadah di kalangan mahasiswa meningkat pada tahun 2014? Semestinya tidak, maka apakah usaha yang perlu difikirkan dan dilaksanakan oleh pihak universiti khususnya dan pihak terbabit lainnya dalam membendung gejala tidak sihat ini.

## RUMUSAN

Berbagai visi dan misi di rancang dalam merealisasikan berbagai bidang pembangunan negara yang amat memerlukan usaha mahasiswa bagi menjayakan program yang bakal dilaksanakan. Sektor tenaga kerja terutamanya bidang profesional bakal dipenuhi oleh graduan lulusan universiti. Sekiranya mahasiswa yang pernah terjebak dengan penyalahgunaan dadah mendapat peluang pekerjaan pada masa akan datang, masalah akhlak ini juga mungkin berlarutan sehingga menjejaskan imej dan reputasi pihak yang terlibat. Tenaga kerja yang dilahirkan oleh pihak universiti seharusnya merupakan modal insan yang dapat menyumbang kepada pembangunan sosial dan kemajuan ekonomi negara. Perkara ini perlu dipandang serius dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi mencapai tujuan dan halatuju pembangunan negara.

Diharapkan dapatan ini dapat memberi kesan yang sewajarnya dan diambil perhatian serta tindakan oleh pihak universiti dalam menangani masalah penagihan dadah di kalangan mahasiswa. Tingkahlaku dan jatidiri mahasiswa perlu dimantapkan dengan strategi yang terbaik agar mahasiswa merasa selesa tanpa ada tekanan sosial daripada keadaan sekeliling. Lebih banyak program perlu dijalankan di kampus bagi mendekati dan memenuhi masa mahasiswa. Bagi melaksanakan program pendedahan penyalahgunaan dadah ini usahasama boleh dijalankan dengan pihak ibubapa, pensyarah dan pihak berwajib.

Pihak yang berkenaan seperti pensyarah, penggubal pengajaran dan pembelajaran perlu memberi penekanan terhadap penyalahgunaan dadah dengan lebih mendalam. Ianya haruslah bersesuaian bagi memperluaskan diri mahasiswa dengan ilmu yang secukupnya dalam melahirkan modal insan dan pemimpin masa hadapan.

## RUJUKAN

- Abdullah Al Hadi & Iran Herman. Penagihan Dadah Mengikut Kaum: Diri, Keluarga dan Persekitaran. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abdul Ghafar Taib. (1992). Dadah Pembunuh. Kuala Lumpur: Delmu (M) Sdn. Bhd.
- Abdul Alim Abdul Rahman. (1994). Pengantar Psikologi Bilazim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2013). Laman Web Statistik Penyalahgunaan Dadah <http://www.adk.gov.my/utama.html>
- Akers, R.L. (1992). *Drugs, Alcohol and Society: Sosial Structure, Process and Policy*. California: Wadsworth Publishing Company Betmort.
- Dennis, C.D. (1989). *Relapse Prevention: Treatment Alternatives and Counseling Aids*. Tab Books Inc, Blue Ridge Summit, PA.
- Hawkins, J.D. & Catalano, R.F. (1985). Aftercare in Drug Abuse Treatment. *The International Journal of the Addictions*, 20(689), 917-945.
- Hairunnaja Najmudin. (2003). *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Kuala Lumpur PTS Publications.
- Mohd Majid, K. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Amin Husaini. (1995). *Hidupku Sejernih Embun: Tanpa Dadah, Tanpa Arak & Tanpa Rokok*. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.
- The News Strait Times, (2006). Treatment works for drug addiction. 4 Jun.
- Utusan Malaysia. (2013). 23 Julai.
- Utusan Malaysia. (2014). 4 March.
- Utusan Malaysia, (2006). Ujian dadah di sekolah. 3 April.
- Wills, T.A., Resco, J.A., Ainette, M.G. & Mendoza, D. (2004). Role of Parent Support and Peer Support in Adolescent Substance Use: A Test of Mediated Effects. *Psychology of Addictive Behaviors*, 18, 122-134.
- William, B.H., & Ralph, B.M. (1999). Drug education practise : result of an observational study. *Health Education Research* : February 1999, 14, 1 ; Health and Medical Complete. pg. 85-97.